

PERSONAL DATA NOTICE

1. PERSONAL DATA NOTICE

This Personal Data Notice is issued pursuant to the Data Protection Act 2010.

2. COLLECTION/SOURCE/PROCESSING OF PERSONAL DATA

As our existing Valued Customers, Distributors, DC Operator, SP Operator or eSP Operators, as the case may be, you would have furnished us or we may have taken from you all or some of the information concerning your name, age, identity card number, passport number, address, gender, date of birth, marital status, photographs, videos, name and particulars of your spouse, beneficiary(ies), occupation, contact information, email address, race, ethnic origin, nationality, bank account particulars and other information in the Application Form, online registration form and other applications or notification to us. We also keep a record of the sales carried out by you and payment of bonuses and other incentives to you.

For persons applying to be our Valued Customers, Distributors, DC Operators, SP and eSP Operators, as the case may be, you are required to furnish and complete the information and personal data set out in the Application Form or online registration form to which this Personal Data Notice is attached or published for online registration. If you fail to provide us the information and personal data it shall be deemed that you do not consent to us processing your personal data and accordingly we would not be able to and would not process your application.

We do not collect nor keep any information or personal data about you from any source other than those furnished by you to us as aforesaid or gathered from the sales conducted or carried out by you.

We will not process your personal data for any unlawful purpose and will only process your personal data only for purposes set out in this Personal Data Notice and matters relating thereto.

3. NECESSITY AND PURPOSE OF COLLECTION OF PERSONAL DATA

A) The information and personal data furnished or required to be furnished by you to us or collected by us is absolutely necessary and will be processed for the following purposes which is/are intimately tied up to the performance of the contractual relationship between us:

- (i) to determine your eligibility or suitability to be accepted by us as our Valued Customers or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be;
- (ii) to calculate, bonus, commission, incentives and other benefits which may be enjoyed by you under our Business Development Plan ("BDP") or DC Agreement or SP Agreement or eSP Agreement as the case may be, which computation/processing may be performed by us or our Group of Companies or outsourced company(ies) and in respect of payment of international bonuses, commission, incentives or other benefits such computation/processing may be carried out either in or outside Malaysia;
- (iii) to pay you the bonus and commission or other incentives or benefits as the case may be and to keep proper accounting records between us;
- (iv) to determine the rank and promotion in accordance with our BDP or ;
- (v) to verify the compliance of Distributor Rules and Regulations or BDP or DC Agreement and DC Rules and Regulations, SP Rules and Regulations, eSP Rules and Regulations, as the case may be;
- (vi) to enable the resolution of concerns or complaints;
- (vii) to contact and notify you of any events or news or marketing and product updates or launching of new products, announcements, changes to BDP, Rules and Regulations and other happenings;
- (viii) to procure your upline and/or our other distributors or consultants to contact you or persons named or mentioned in the Application Form, Nomination Form or other forms to render you their services, advise, counselling and support;
- (ix) to share your information and personal data with our Group of Companies and associate/related companies within or outside Malaysia for analysis of product sales and marketing strategy to enable us to offer better service and products to customers and which would ultimately benefit you as our Valued Customers, Distributor, DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be;
- (x) to research, develop and improve our products, services, events, programs and multi-level marketing network platform;
- (xi) to keep proper records and to meet all legal and regulatory requirements including but not limited to the submission of your particulars and earnings from bonus, commission, incentives and other benefits to the Inland Revenue Board; and
- (xii) generally to discharge our contractual obligations to you.

B. From time to time in functions, product launches, programs and events organized by us or other parties we may have taken photographs, images and videos of you and/or your spouse, children, relatives and friends and the same may be published in our websites, newsletters, brochures, advertisement, newspapers, write-ups and other media from time to time for the purpose of our event documentation and for publication aforesaid. If you do not consent to us publishing such photographs or images, videos or likeness of you as aforesaid, you have to notify us in writing of your objection and we will not make such publication failing which it shall be deemed that you do consent to such publication.

4. FAILURE AND REFUSAL TO PROVIDE PERSONAL DATA

The information and personal data aforesaid required to be furnished to us is mandatory if you intend to join us or remain as our Valued Customer, Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be. Failure to provide us or preventing us from collecting or processing the information and personal data for the purposes aforesaid in item 3 above would result in us :

- (a) being unable to process and determine whether to accept you as our Valued Customers or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be;
- (b) being unable to calculate bonus, commission, incentives or other benefits and to effect such payment to you or submit your earnings from bonus, commission, incentives or other benefits to the Inland Revenue Board;
- (c) being unable to determine your rank and promotion thereby preventing us from correctly computing the bonus, commission, incentives or other benefits earned by you;
- (d) being unable to verify the compliance by you of the Distributor Rules and Regulations or the BDP or DC Agreement and DC Rules and Regulations, SP Rules and Regulations, eSP Rules and Regulations, as the case may be;
- (e) being unable to contact and notify you of any events or news or marketing and product updates or launching of new products, announcements, changes to BDP, Distributor Rules and Regulations and other happenings;
- (f) being unable to procure your upline and/or our other distributors or consultants to contact you from time to time to render you their services, advise and support;

- (g) being unable to share your information and personal data with our Group of Companies and associate/related companies for analysis of product sales and marketing strategy with a view to us being able to offer better service and products to customers and which would ultimately benefit you as our Valued Customer, Distributor, DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be;
- (h) being unable to keep proper records and to meet all legal and regulatory requirements; and
- (i) generally unable to fulfill our obligations to you as a multi-level marketing company.

5. **CONSENT AND CHOICE**

By remaining as our Valued Customer or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be or by submitting and not withdrawing the Application Form and applying to us to join as Valued Customer or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be it shall be deemed that you have consented to us using and/or disclosing the information and personal data aforesaid and such additional information and personal data as you may furnish us from time to time for the purposes and/or to the parties as set out in item 3 and 6 herein and/or for purposes related to the same.

Be that as it may, we would appreciate if you do complete, sign and return the Consent Section of this Notice to us at the address set down below for our records.

You have the right and choice not to furnish us with your personal data or refuse to allow us to utilize the information and personal data for the purposes aforesaid but in such an event :

- (a) if you are not already a Valued Customer or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be and have submitted your Application you would have to notify us in writing to withdraw your Application;
- (b) if you are already a Valued Customer or Distributor or DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be you would notify us in writing and your appointment will automatically terminate with immediate effect as we would not be able to process the bonus or commission earned by or payable to you.

However if you wish to limit the processing of your personal data or personal data of other persons who may be identified from the information or data furnished by you to us, you may do so by notice to us in writing and we will remove such information and data from our records and if such removal would result in us being unable to perform our obligations to you or hinder our performance, you would have no choice but to resign or permit us to use such personal data and if you fail to do either, your appointment shall automatically terminate upon our notification to you.

6. **DISCLOSURE**

We will not use or disclose your personal data other than for the purpose and to the parties set out in item 3 above. By remaining as our Valued Customer, Distributor, DC Operator or SP Operator or eSP Operator, as the case may be you also consent and authorize us to disclose information and your personal data to :

- (a) our auditors, consultants, accountants, lawyers, advisers, service providers, speakers, motivators, DC Operator, SP Operator, eSP Operator, leaders and other employees who has a need to know to carry out their duties;
- (b) any person to whom we are compelled or required to do so whether under any law regulations by-laws governmental directives policies or court order;
- (c) our related, holding or subsidiary companies including those which may be established in the future.
- (d) you acknowledge, agree and consent that your name, Code, Rank, Adjusted Rank, Personal PV, Personal GPV, Group PV and your downlines may be accessed by your upline(s) from our website.

7. **SECURITY**

We do take due care to protect personal data and other information from loss, misuse, modification, unauthorized access or disclosure, alteration or destruction and have in place procedures to ensure the compliance thereof.

Should we out source or engage any third party to process the personal data and information on our behalf and for the purposes set out in this Personal Data Notice, we will ensure that such third party provides sufficient guarantees in respect of technical and organizational security measures governing the processing to be carried out and take reasonable steps to ensure compliance with those measures.

8. **RETENTION**

The personal data processed will not be kept by us longer than is necessary for fulfillment of its purpose and unless required by law, regulations or bye-laws or bodies of any governmental or regulatory bodies for such personal data processed to be kept, we will take all reasonable steps to destroy or permanently delete if it is no longer required for the purpose for which it was processed.

9. **DATA INTEGRITY AND ACCESS**

We will ensure that the personal data collected or processed by us are accurate, complete, up to date and not misleading subject however that the personal data held by us could only be as accurate as that provided or furnished to us by you. In the circumstances it shall be your duty and obligation to ensure that all information and personal data provided to us are correct, accurate, complete, up to date and are not misleading.

You have a right to request access to and request for correction of information about you held by us which is inaccurate, incomplete, misleading or not up to date and the department to contact with respect to any such inquiries or complaints is :

DEPARTMENT : Customer Service & Support Department
PERSON-IN CHARGE : Manager
TEL : 03-55694000
FAX : 03-55685599
EMAIL : info@cni.com.my

All request for access shall be in writing accompanied by the prescribed fee.

This Notice is issued by:

CNI ENTERPRISE (M) SDN BHD

Wisma CNI, No.2 Jalan U1/17,
Seksyen U1, Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

NOTIS DATA PERIBADI

1. NOTIS DATA PERIBADI

Notis Data Peribadi ini dikeluarkan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

2. PENGUMPULAN/SUMBER/PEMROSESAN DATA PERIBADI

Sebagai Pelanggan Bintang, Pengekar, Pengendali Pusat Pengedaran, Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP sedia ada, mengikut keadaan, anda telah pun memberikan kepada Syarikat ataupun pihak Syarikat mungkin pernah ambil semua atau sebahagian maklumat berkenaan nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, nama serta maklumat pasangan, penamaan pewaris, pekerjaan, maklumat untuk berhubung, alamat e-mel, bangsa, kumpulan etnik, agama, kewarganegaraan, maklumat akaun bank, dan maklumat lain dalam Borang Permohonan Keahlian, Borang Pendaftaran Dalam Talian, dan lain-lain borang permohonan atau notis lain kepada Syarikat. Syarikat juga menyimpan rekod jualan yang anda laksanakan, dan bayaran bonus-bonus, serta insentif-insentif lain kepada anda.

Bagi individu yang memohon untuk menjadi Pelanggan Bintang, Pengekar, Pengendali Pusat Pengedaran, Pengendali Stesen Jualan, dan Pengendali eSP, mengikut keadaan, anda dikehendaki untuk memberi dan melengkapkan maklumat dan data peribadi seperti yang ditetapkan di dalam Borang Permohonan Keahlian, atau Borang Pendaftaran Dalam Talian di mana Notis Data Peribadi ini akan dikepikan bersama, atau diterbitkan secara dalam talian. Kegagalan anda memberikan maklumat dan data peribadi kepada Syarikat akan dianggap sebagai keengganan anda memberikan kebenaran kepada Syarikat untuk memproses data peribadi anda, dan oleh yang demikian, Syarikat tidak berupaya dan tidak akan memproses permohonan anda.

Syarikat tidak mengumpul atau menyimpan sebarang maklumat atau data peribadi berkenaan anda daripada sumber lain melainkan maklumat atau data yang telah anda berikan kepada Syarikat seperti yang tersebut di atas atau diperolehi daripada jualan yang dikendalikan atau dilakukan oleh anda.

Syarikat tidak akan memproses data peribadi anda untuk sebarang tujuan yang melanggar undang-undang dan akan hanya memproses data peribadi anda untuk tujuan yang ditetapkan di dalam Notis Data Peribadi ini serta perihal berkaitan dengannya semata-mata.

3. KEPERLUAN DAN TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI

A) Maklumat dan data peribadi anda yang diberikan kepada Syarikat atau diperlukan oleh Syarikat daripada anda atau dikumpulkan oleh Syarikat adalah benar-benar diperlukan dan akan diproses untuk tujuan-tujuan berikut yang berkait rapat dengan pelaksanaan hubungan kontraktual antara anda dan Syarikat:

- (i) bagi menentukan kelayakan atau kesesuaian anda untuk diterima sebagai Pelanggan Bintang, atau Pengekar, atau Pengendali Pusat Pengedaran, Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP, mengikut keadaan oleh Syarikat;
- (ii) bagi mengira bonus, komisen, insentif, dan manfaat lain yang mana mungkin dinikmati oleh anda seperti yang terkandung di dalam Rancangan Pembangunan Perniagaan Syarikat, atau Perjanjian Pusat Pengedaran, atau Perjanjian Stesen Jualan, atau Perjanjian eSP, mengikut keadaan; di mana pengiraan / pemprosesan mungkin dilakukan oleh Syarikat atau ahli-ahli Kumpulan CNI atau sumber luar (outsourcing) dan dari segi pembayaran bonus antarabangsa, komisen, insentif atau lain-lain faedah, pengiraan / pemprosesan sedemikian boleh juga dijalankan di dalam atau di luar dari Malaysia
- (iii) bagi membayar anda bonus, dan komisen, atau insentif lain, atau manfaat lain mengikut keadaan, dan untuk menyimpan rekod kira-kira yang sah di antara Syarikat dan anda;
- (iv) bagi menentukan pangkat dan promosi menurut Rancangan Pembangunan Perniagaan Syarikat ("BDP") atau ;
- (v) bagi mengesahkan pematuhan Peraturan Perniagaan Pengekar, atau Rancangan Pembangunan Perniagaan, atau Perjanjian Pusat Pengedaran, dan Peraturan Perniagaan Pusat Pengedaran, Peraturan Perniagaan Stesen Jualan, Peraturan Perniagaan eSP, mengikut keadaan;
- (vi) untuk membolehkan penyelesaian, atau resolusi terhadap kebimbangan, dan aduan dicapai;
- (vii) bagi menghubungi, dan memaklumkan anda tentang sebarang acara, atau berita, atau maklumat terkini pemasaran dan produk, atau pelancaran produk baru, pengumuman, perubahan kepada BDP, Peraturan Perniagaan, dan perihal lain;
- (viii) bagi mendapatkan upline anda dan/atau para pengekar lain, atau para perunding untuk menghubungi anda, atau orang yang dinamakan, atau yang tertera dalam Borang Permohonan, Borang Penamaan, atau borang-borang lain bagi memberikan anda khidmat, nasihat, bimbingan, dan sokongan mereka;
- (ix) bagi berkongsi maklumat dan data peribadi anda dengan ahli-ahli Kumpulan CNI, dan syarikat-syarikat bersekutu/berhubungan di dalam atau di luar dari Malaysia untuk menganalisa jualan produk dan strategi pemasaran agar membolehkan Syarikat menawarkan perkhidmatan dan produk yang lebih baik kepada para pelanggan, dan akhirnya menjana manfaat kepada anda sebagai Pelanggan Bintang, Pengekar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan atau Pengendali eSP, mengikut keadaan;
- (x) untuk penyelidikan dan penambahbaikan produk-produk, perkhidmatan, acara-acara, program-program, dan dasar rangkaian pemasaran jualan berbilang tingkat;
- (xi) bagi menyimpan rekod-rekod yang sah, dan memenuhi semua keperluan undang-undang, dan pengawalan termasuk tetapi tidak terhad kepada penyerahan butiran dan pendapatan anda yang diperolehi daripada bonus, komisen, insentif, dan manfaat lain kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- (xii) secara amnya melaksanakan semua tanggungjawab kontrak

B) Dari semasa ke semasa, Syarikat mungkin telah menangkap gambar, imej, dan video berkaitan anda, dan/atau pasangan anda, anak-anak anda, sanak-saudara, dan kawan-kawan anda ketika majlis-majlis, pelancaran produk, program, dan aturcara yang dianjurkan oleh pihak Syarikat atau lain-lain pihak, dan ia mungkin disiarkan di dalam laman sesawang Syarikat, majalah, risalah, iklan, suratkhbar, karya, dan lain-lain media dari semasa ke semasa untuk tujuan dokumentasi acara Syarikat dan juga untuk tujuan penerbitan seperti yang disebut terdahulu. Sekiranya anda tidak membenarkan Syarikat untuk menerbitkan gambar-gambar, atau imej-imej, rakaman video, atau sebarang representasi anda, seperti yang tersebut terdahulu, anda mesti memaklumkan Syarikat secara bertulis mengenai bantahan anda, dan kami tidak akan membuat penerbitan sedemikian, dan sekiranya anda gagal memaklumkan Syarikat, maka anda dianggap bersetuju dengan penerbitan yang sedemikian.

4. KEGAGALAN DAN KEENGGANAN UNTUK MEMBERI DATA PERIBADI

Maklumat dan data peribadi seperti dinyatakan terdahulu yang perlu diberikan kepada Syarikat adalah mandatori jika anda berniat untuk menyertai Syarikat, atau kekal sebagai Pelanggan Bintang, Pengekar, atau Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP mengikut keadaan. Kegagalan memberikan Syarikat, atau menghalang Syarikat daripada mengumpul, atau memproses maklumat, dan maklumat peribadi untuk tujuan-tujuan yang tersebut di dalam Perkara 3 di atas akan menyebabkan Syarikat:

- (a) tidak dapat memproses dan menentukan sama ada untuk menerima atau tidak anda sebagai Pelanggan Bintang, atau Pengekar, atau Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan; atau Pengendali eSP mengikut keadaan;
- (b) tidak dapat mengira bonus, komisen, insentif, atau manfaat lain, yang memberi kesan ke atas pengendalian pembayaran kepada anda, atau atas penyerahan pendapatan anda yang diperolehi daripada bonus, komisen, insentif, dan manfaat lain kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (c) tidak dapat menentukan pangkat, dan promosi anda dan oleh yang demikian, menghalang Syarikat daripada mengira dengan tepat bonus, komisen, insentif, atau manfaat lain yang dijana oleh anda;
- (d) tidak dapat mengesahkan pematuhan anda terhadap Peraturan Perniagaan Pengekar, atau Rancangan Pembangunan Perniagaan, atau Perjanjian Pusat Pengedaran, dan Peraturan Perniagaan Pusat Pengedaran, Peraturan Perniagaan Stesen Jualan, dan Peraturan Perniagaan eSP, mengikut keadaan;
- (e) tidak dapat menghubungi, dan memaklumkan anda tentang sebarang acara, atau berita, atau maklumat terkini pemasaran dan produk, atau pelancaran produk baru, pengumuman, perubahan kepada BDP, Peraturan Perniagaan, Pengekar dan perihal lain;

- (f) tidak boleh mendapatkan upline anda dan/atau para pengedar lain, atau para perunding untuk menghubungi anda dari semasa ke semasa bagi memberikan anda khidmat, nasihat, bimbingan, dan sokongan mereka;
- (g) tidak dapat berkongsi maklumat dan data peribadi anda dengan ahli-ahli Kumpulan CNI, dan syarikat-syarikat bersekutu/berhubungan untuk menganalisa jualan produk dan strategi pemasaran agar membolehkan Syarikat menawarkan perkhidmatan dan produk yang lebih baik kepada para pelanggan, dan akhirnya menjana manfaat kepada anda sebagai Pelanggan Bintang, Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP . mengikut keadaan;
- (h) tidak dapat menyimpan rekod-rekod yang sah, dan memenuhi semua keperluan undang-undang, dan pengawalan; dan
- (i) amnya tidak dapat memenuhi tanggungjawab Syarikat, sebagai sebuah syarikat pemasaran berperingkat, kepada anda.

5. PERSETUJUAN DAN PILIHAN

Dengan mengekalkan keahlian sebagai Pelanggan Bintang, atau Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan atau Pengendali eSP , mengikut keadaan, atau dengan menyerahkan, dan tidak menarik balik Borang Permohonan, dan dengan memohon kepada Syarikat untuk menjadi Pelanggan Bintang, atau Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP, mengikut keadaan, adalah dianggap bahawa anda telah bersetuju untuk Syarikat menggunakan, dan/atau mendedahkan maklumat dan data peribadi yang tersebut, serta data peribadi yang diberikan oleh anda kepada Syarikat dari semasa ke semasa untuk tujuan-tujuan, dan/atau kepada pihak-pihak seperti yang termaktub di dalam Perkara 3, dan 6 di dalam Notis ini, dan/atau untuk tujuan yang berkaitan dengannya.

Meskipun begitu, Syarikat menghargai sekiranya anda melengkapkan, menandatangani, dan menyerahkan Bahagian Persetujuan di dalam Notis ini kepada Syarikat di alamat seperti yang tertera di bawah untuk didokumentasikan.

Anda mempunyai hak dan pilihan untuk tidak memberikan kepada Syarikat data peribadi anda, atau enggan membenarkan Syarikat untuk menggunakan maklumat dan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang tersebut, dalam keadaan sedemikian:

- (a) Jika anda belum dilantik menjadi Pelanggan Bintang, atau Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP, mengikut keadaan, dan anda telah menyerahkan Permohonan, maka anda mesti memaklumkan Syarikat secara bertulis untuk menarik balik Permohonan anda;
- (b) Jika anda sudah pun dilantik menjadi Pelanggan Bintang, atau Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP, mengikut keadaan, maka anda mesti memaklumkan Syarikat secara bertulis, dan pelantikan anda akan dimansuhkan secara automatik berkuat kuasa serta-merta kerana Syarikat tidak dapat memproses atau membayar bonus, atau komisen yang anda perolehi.

Namun demikian, sekiranya anda ingin menghadkan pemrosesan data peribadi, atau data peribadi orang lain yang dapat dikenalpasti daripada maklumat, atau data yang anda serahkan kepada Syarikat, maka anda boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kami secara bertulis, dan kami akan mengeluarkan maklumat, dan data berkaitan daripada rekod Syarikat, dan jika pengeluaran tersebut akan menyebabkan Syarikat tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya kepada anda, atau menghalang pelaksanaan tanggungjawab tersebut, anda tidak mempunyai pilihan kecuali menamatkan pelantikan anda, atau membenarkan Syarikat untuk menggunakan data peribadi berkaitan, dan jika anda gagal melakukan kedua-dua perkara tersebut, maka pelantikan anda akan ditamatkan secara automatik apabila menerima notis daripada Syarikat.

6. PENDEDAHAN

Syarikat tidak akan menggunakan, atau mendedahkan data peribadi anda melainkan untuk tujuan, dan kepada pihak seperti yang termaktub di dalam Perkara 3 di atas. Dengan mengekalkan keahlian anda sebagai Pelanggan Bintang, atau Pengedar, Pengendali Pusat Pengedaran, atau Pengendali Stesen Jualan, atau Pengendali eSP, mengikut keadaan anda juga bersetuju, dan memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendedahkan maklumat, dan data peribadi anda kepada:

- (a) Juruaudit, perunding, akauntan, peguam, penasihat, pembekal perkhidmatan, penceramah, jurumotivasi, Pengendali Pusat Pengedaran, Pengendali Stesen Jualan, Pengendali eSP, pemimpin, dan kakitangan lain Syarikat yang perlu tahu untuk melaksanakan tanggungjawab mereka;
- (b) Mana-mana individu yang Syarikat tidak boleh tidak, atau dikehendaki berbuat demikian sama ada di bawah peraturan undang-undang, undang-undang kecil, arahan Kerajaan, polisi Kerajaan, atau arahan mahkamah;
- (c) Syarikat-syarikat yang berkaitan, syarikat induk, atau anak syarikat termasuk syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan pada masa hadapan.
- (d) Anda mengakui, memersetujui, dan mengizinkan bahawa nama, Kod, Pangkat, Pangkat Terlaras, PV Sendiri, PV Kumpulan Sendiri, PV Kumpulan, dan downline anda dapat diperolehi oleh upline anda daripada laman sesawang kami.

7. KESELAMATAN

Syarikat akan mengambil semua langkah munasabah untuk melindungi data peribadi dan maklumat lain daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, capaian atau pendedahan tanpa kebenaran, pemindaan, atau pemusnahan, dan Syarikat mempunyai prosedur-prosedur tertentu bagi memastikan pematuhan perkara ini.

Jika Syarikat membayar, atau menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses data peribadi dan maklumat bagi pihak Syarikat, dan untuk tujuan seperti yang termaktub di dalam Notis Data Peribadi ini, Syarikat akan memastikan bahawa pihak ketiga tersebut memberi jaminan yang sebaik mungkin dari segi teknikal, dan langkah keselamatan organisasi ke atas proses yang akan ia laksanakan, serta mengambil langkah-langkah munasabah bagi memastikan pematuhan langkah-langkah tersebut.

8. PENGKALAN

Data peribadi yang telah diproses tidak akan disimpan oleh Syarikat melebihi jangka masa yang diperlukan untuk penyempurnaan tujuannya, dan kecuali diperlukan dari segi undang-undang, peraturan, atau undang-undang kecil, atau mana-mana badan Kerajaan, atau badan kawal selia supaya data peribadi yang telah diproses berkaitan disimpan, Syarikat akan mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk memusnahkan, atau memadam ia sepenuhnya jika ia tidak diperlukan lagi untuk tujuan diproses.

9. KEWIBAWAAN DAN AKSES DATA

Syarikat akan memastikan bahawa data peribadi yang dikumpul, atau diproses oleh Syarikat adalah tepat, lengkap, terkini, dan tidak mengelirukan, tertakluk bawasannya data peribadi yang diberikan oleh anda kepada Syarikat adalah tepat, lengkap, terkini, dan tidak mengelirukan. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban anda untuk memastikan bahawa semua maklumat dan data peribadi anda yang diberikan kepada Syarikat adalah betul, tepat, lengkap, terkini, dan tidak mengelirukan.

Anda mempunyai hak untuk meminta agar diberi kebenaran capaian, dan membuat pembetulan, terhadap maklumat anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan, atau tidak terkini, yang disimpan oleh Syarikat, dan anda boleh menghubungi Bahagian yang berkenaan bagi mengajukan pertanyaan, atau aduan seperti berikut:

BAHAGIAN : Customer Service & Support Department
KAKITANGAN BERTUGAS : Manager
TEL : 03-55694000
FAKS : 03-55685599
E-MEL : info@cni.com.my

Semua permohonan untuk kebenaran akses mestilah secara bertulis berserta dengan bayaran ke atas yuran yang dikenakan.

Notis ini adalah dikeluarkan oleh:

CNI ENTERPRISE (M) SDN BHD

Wisma CNI, No.2 Jalan U1/17
Seksyen U1, Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Ruj. Kami: SB20012014-0013 (S)
Tarikh : 23 Mei 2014

Pengarah Urusan

Cni Enterprise (M) Sdn Bhd
Wisma Cni, No 2 Jalan U1/17, Seksyen U1,
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor

Tuan/Puan,

**PERAKUAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA
PERIBADI 2010 (AKTA 709)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan perakuan pendaftaran untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Perakuan pendaftaran ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan tuan/puan.
3. Tempoh sah laku perakuan pendaftaran ini adalah selama 2 tahun. Notis peringatan pembaharuan perakuan pendaftaran akan dihantar 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku perakuan pendaftaran.
4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NOREEN ISZANI YUSAK)
Bahagian Pendaftaran dan Operasi
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Data Peribadi

PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

No. Pendaftaran
SB20012014-0013

PERAKUAN PENDAFTARAN

Dengan ini diperakui bahawa

CNI ENTERPRISE (M) SDN BHD
(161139-M)

telah didaftarkan menurut Seksyen 15(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010(Akta 709) dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta 709 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dalam golongan:

Kod	Nama Golongan
170001	Jualan Langsung

Tarikh Mula Berkuat kuasa : 18-03-2014

Tarikh Tamat Tempoh Perakuan : 17-03-2016


(ABU HASSAN BIN ISMAIL)
PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

